

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2005/2006

April-Mei 2006

**RLD 506 – Aspek Perundangan Dan Amalan Profesional**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

...2/-

1. Apakah proses-proses yang perlu dilalui untuk mengubahkan syarat-syarat yang tertera diatas geran tanah asal kepada jenis kegunaan lain, untuk memberi pulangan yang lebih menguntungkan. Anda perlu menasihati pelanggan anda akan perkara-perkara yang bersabit dengan pembangunan atas tanah berkenaan, agar beliau dapat menyediakan peruntukan secukupnya bagi pembangunan yang dicadangkan. Penjelasan anda mestilah berpandukan akta-akta dan pihak-pihak berkuasa tempatan yang terlibat.

(25 markah)

2. (a) Di dalam kontrak perjanjian setara PAM ini diantara tuan empunya bangunan dan kontraktor memberikan kuasa kepada Pegawai Penguasa (S.O.) yang dilantik untuk mentadbirkannya. Apakah bidang-bidang kuasa Pegawai Penguasa (S.O.) di dalam kontek perjanjian yang telah di menterai ini? Jelaskan.

(10 markah)

- (b) Dibawah peruntukan manakah kontrak perjanjian diantara tuan empunya bangunan dan kontraktor boleh di batalkan? Apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh anda sebagai Pegawai Penguasa (S.O.) untuk membatalkan kontrak kedua belah pihak ini? Huraikan.

(15 markah)

3. Klausula di dalam perjanjian kontrak binaan antara tuan empunya bangunan dan kontraktor ada memasukkan Akta Timbangtara 1952 (*Arbitration Act 1952*) didalamnya. Kenapakah perkara ini perlu diadakan dan bagaimanakah ia berkuatkuasa didalam perjanjian kontrak binaan ini? Apakah yang anda faham dengan 'Keputusan Penimbangtara adalah muktamad'?

(25 markah)

....3/-

4. Daripada perspektif anda sebagai arkitek landskap, kepelbagaian jenis pelupusan tanah, negeri (disposal of State land) dan kategori tanah itu sepatutnya memanfaatkan rakyat dan anda. Bincangkan.

(25 markah)

5. Isu perumahan bukan sahaja isu tempatan atau sesebuah negara, tetapi juga diperingkat antarabangsa, terutamanya dibawah hak asasi manusia (berkaitan "perumahan yang memadai" (*adequate housing*) dibawah Pejabat Suruhanjaya Tinggi Bagi Hak-Hak Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Bincangkan.

(25 markah)

6. Ada pendapat mengatakan seperti berikut:-

"Isu-isu berkaitan pemajuan perumahan di dalam dan di luar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan adalah agak berbeza, terutama daripada aspek kawalan perancangan dan penguatkuasaan perundangan. Isu keperihatinan berkaitan alam sekitar, perumahan selamat, keselesaan, perumahan piawaian bangunan dan lain-lain juga agak berbeza".

Apa pendapat anda mengenai kenyataan diatas?

(25 markah)

-ooo O ooo-

... 3/-